

21 OCT 1999

Mahasiswa-Saman

MAHASISWA MAHU SAMAN AGENSI BERITA AP

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Tiga organisasi mahasiswa hari ini membuat laporan polis terhadap Associated Press (AP) dan berhasrat menyaman agensi berita itu yang didakwa memutarbelit dan mencemarkan nama mereka berhubung demonstrasi pelajar di Universiti Malaya pada 8 Okt.

Presiden Angkatan Pemuda Warisan, Ahmad Ansor berkata tindakan itu diambil bagi membolehkan polis menyiasat kemungkinan terdapat elemen yang berniat jahat terhadap negara oleh agensi berita itu.

Laporan polis itu dibuat di ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi oleh Ahmad yang turut disertai Presiden Pemuda Negara, Stephen Doss, Presiden Angkatan Pemuda Insaf, Hasbeemasputra Abu Bakar dan 20 pelajar lain.

Ahmad berkata AP enggan meminta maaf secara terbuka dan menarik balik laporan itu seperti diminta oleh pelajar melalui surat bantahan yang dihantar ke pejabat AP pada 15 Okt.

AP dalam laporannya menyatakan perhimpunan pelajar yang diadakan semasa lawatan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke UM untuk menyampaikan Syarahan Alumni sebagai "menentang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara aman".

Ahmad berkata, pihaknya juga sedang mengkaji mengambil tindakan yang sama terhadap sebuah lagi agensi berita luar, Reuters yang didakwa turut tidak menyiarkan bantahan mereka.

Katanya, perhimpunan itu bukan berbentuk anti kerajaan, sebaliknya menyampaikan tuntutan mahasiswa tentang isu-isu dalam negara.

Doss berkata mereka tidak perlu meminta kelulusan pihak universiti untuk mengambil tindakan itu kerana ia adalah hak mereka sendiri untuk mempertahankan nama mereka.

"Kita akan adakan kempen mengutip derma untuk membiayai tindakan sivil ini. Kami tidak mahu mengambil tindakan melalui persatuan pelajar yang sedia ada kerana ia dipengaruhi pihak luar dan ada agenda tersendiri," katanya.

Ditanya mengapa mereka tidak menumpukan sahaja kepada pelajaran dan melepaskan soal politik kepada ahli politik, Doss berkata mereka tidak boleh hidup diam dalam keadaan politik dan sosial negara sekarang dan perlu berbuat sesuatu untuk kepentingan mahasiswa.

-- BERNAMA

AR FAZ